



منتري بسر كلنتن

**AMANAT KHAS**

**YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR KELANTAN**

**MAJLIS PERASMIAN 3 DEKAD PENTADBIRAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM  
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**DAN**

**AMANAT KHAS KEPADA PENJAWAT AWAM KELANTAN**

**08 RABIUL AWWAL 1442H BERSAMAAN 25 OKTOBER 2020 (AHAD)**

**BERTEMPAT DI DEWAN JAMUAN UTAMA, MASA: JAM 8.30 PAGI**

---

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله والصلاة والسلام على رسوله الذي ختم به الرسالة

وعلى آله وأصحابه ومن تبعهم إلى يوم القيامة

قال الله تعالى:

وَلَقَدْ آتَيْنَا دَاوُدَ وَسُلَيْمَانَ عِلْمًا وَقَالَا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَضَّلَنَا عَلَى كَثِيرٍ مِّنْ عِبَادِهِ الْمُؤْمِنِينَ وَوَرِثَ سُلَيْمَانُ  
دَاوُدَ وَقَالَ يَا أَيُّهَا النَّاسُ عُلِّمْنَا مَنْطِقَ الطَّيْرِ وَأُوتِينَا مِنْ كُلِّ شَيْءٍ إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْفَضْلُ الْمُبِينُ

*Dan sesungguhnya kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada Nabi Daud dan Nabi Sulaiman; dan mereka berdua bersyukur dengan berkata: "Segala puji tertentu bagi Allah yang dengan limpah kurniaNya memberi kami kelebihan mengatasi kebanyakan hamba-hambaNya yang beriman".*

*Dan Nabi Sulaiman mewarisi (pangkat kenabian dan kerajaan) Nabi Daud; dan (setelah itu) Nabi Sulaiman berkata: "Wahai umat manusia, kami telah diajar mengerti bahasa pertuturan burung, dan kami telah diberikan serba sedikit dari tiap-tiap sesuatu (yang diperlukan); sesungguhnya yang demikian ini adalah limpah kurnia (dari Allah) yang jelas nyata". Al – Anml 15-16*

- Yang Berhormat Dato' Hj Mohd Amar Bin Abdullah,  
Timbalan Menteri Besar Kelantan,

Merangkap Pengerusi JK Induk Sambutan 3 Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam

- Yang Berhormat Dato' Hj Abdullah Yakob,  
Speaker Dewan Negeri Kelantan,
  - Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Dato' Hj Nazran bin Muhammad  
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
  - Yang Berhormat Dato' Shahidani bin Ab Aziz  
Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
  - Yang Berhormat Dato' Ahmad Robert bin Abd Rahim  
Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
  - Yang Berhormat Dato' – Dato' Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
  - Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan  
Dewan Negara,
  - Yang Amat Berusaha Ketua-Ketua Jabatan & Ketua-Ketua Jajahan,
  - Dato'- Dato', Tuan – Tuan dan para Hadirin Muslimin dan Muslimat  
Sekalian
1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berada dalam Majlis Perasmian Sambutan 3 Dekad Pentadbiran Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim.
  2. Saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua penjawat awam Kelantan yang memberikan komitmen tinggi menghadiri majlis yang penuh bermakna lagi bersejarah ini.

Hadirin dan Hadirat yang saya Hormati Sekalian,

3. Tanggal 21 Oktober 2020 genaplah 3 dekad Negeri Kelantan berada di bawah pentadbiran Membangun Bersama Islam.

Maka, luahan rasa kesyukuran kepada Allah SWT atas nikmat yang besar ini, dengan Izin Allah SWT yang telah menganugerah kepada Parti Islam Se- Malaysia mandat rakyat Kelantan yang diterajui kepimpinan ulamak untuk mentadbir negeri ini.

Ia menggambarkan suasana beragama rakyat negeri ini yang memulakan langkah politik bijaksana dan matang untuk terus beristiqamah bagi memastikan dasar Pentadbiran Membangun Bersama Islam kekal sebagai paksi utama pentadbiran negeri.

4. Hasilnya, dasar Membangun Bersama Islam telah meletakkan slogan Kelantan menerajui perubahan menerusi aspek pembentukan dan pelaksanaan polisi-polisi kerajaan dimana pelaksanaan undang-undang Islam, ekonomi Islam tanpa riba, sistem pajak gadai Islam, pengukuhan institusi keluarga yang mana telah dijadikan model dan rujukan pelbagai pihak.
5. Oleh yang demikian, petadbiran Membangun Bersama Islam telah mengaplikasikan konsep siasah syariyyah bagi membentuk pemikiran dan pemahaman rakyat berdasarkan 2 matlamat berikut:

**Pertama: Hirasah al-Din (Menjaga Agama)**

Yakni Mendaulatkan akidah Islam dan menghapuskan kemungkaran, serta menggalakkan amal islami dengan pemerkasaan progarm pembangunan Islam dan Dakwah, penganjuran perhimpunan hari kebesaran Islam, menghidupkan aktiviti solat jamaah melalui program sambutan bulan sembahyang (solat), Hari Hududullah dan sebagainya.

**Kedua: Siyasa al-Dunya bihi (Mentadbir urusan kerajaan berpandukan ajaran Islam)** seperti dalam urusan kewangan, kebajikan, pembangunan ekonomi, pentadbiran tanah, pertanian, perhutanan dan sebagainya.

Hadirin dan Hadirat yang saya Hormati Sekalian,

6. Dalam petikan al-quran yang saya baca pada permulaan ucapan tadi, Allah SWT menceritakan tentang nikmat yang telah dilimpahkan-Nya kepada kedua orang hamba-Nya yang telah diangkat-Nya menjadi nabi dan pemerintah, yaitu Nabi Daud dan putranya Nabi Sulaiman A.S.
7. Kekuasaan Nabi Sulaiman yang begitu luas melangkaui makhluk manusia termasuk jin dan haiwan yang diwarisi oleh ayahda baginda Nabi Daud, telah memartabatkan ilmu sebagai teras utama pemerintahan.

8. Seheinggakan, pembantu tadbir urus Nabi Sulaiman yang bernama Aathif seorang ulamak telah berjaya mengatasi jin ifrit untuk memindahkan singgahsana Ratu Balqis.
9. Meskipun Nabi Sulaiman sebagai pemimpin telah memperolehi nikmat-nikmat yang khusus dan agung ini daripada Allah S.W.T. Namun disisi tuhan baginda merupakan hamba Allah yang paling banyak berzikir dan yang paling banyak bersyukur di zamannya.
10. Itulah kelebihan-kelebihan para nabi sebagai pemerintah. Berbeza dengan firaun yang juga diberi nikmat kekuasaan tetapi bersikap sombong sebagai yang berkuasa sehingga mengaku dirinya sebagai tuhan.
11. Maka, Pentadbiran Kerajaan Membangun Bersama Islam konsisten untuk mamandu rakyatnya sebagai model rakyat yang berilmu dan cintakan ilmu, kepimpinan yang bersih dan berintegriti.

Sebab itu kita sentiasa mengambil berat persoalan dosa pahala, halal dan haram, syurga dan neraka untuk dijadikan sempadan dan panduan dalam kehidupan seharian.

Nabi SAW bersabda:

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى، كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أُجُورِ مَنْ تَبِعَهُ، لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا، وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلَالَةٍ، كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِثْمِ مِثْلُ آثَامِ مَنْ تَبِعَهُ، لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا

*Siapa saja yang mengajak pada petunjuk maka untuknya pahala seperti orang yang mengikutinya, hal itu tidak mengurangi pahala mereka sedikitpun.*

*Begitu juga siapa saja yang mengajak pada kesesatan maka atasnya dosa seperti dosa orang yang mengikutinya, hal itu tidak mengurangi dosa mereka sedikitpun (Riwayat Muslim)*

Hadirin dan Hadirat yang saya Hormati Sekalian,

12. Dasar Membangun Bersama Islam telah melalui dua fasa. Fasa pertama yang diasaskan oleh tokoh yang kita sanjungi Almarhum Tuan Guru selama 23 tahun telah berhadapan dengan cabaran demi cabaran serta gelora politik bagi memperkenalkan sebuah jenama politik Islam yang sekian lama hilang sejak runtuhnya khilafah Uthmaniyyah.

Fasa pertama adalah fasa pemantapan dasar ,manakala fasa kedua yang merupakan fasa pengukuhan untuk menumpukan usaha-usaha merakyatkan dasar.

13. Fasa kedua bermula pada tahun 2013 dimana Kerajaan Negeri telah melancarkan pelan Strategik Rakyat Membangun Bersama Islam bertonggakkan Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan agar setiap agenda pentadbiran dan pembangunan dapat dirakyatkan secara komprehensif dan bersepadu.

Merakyat bermaksud bukan hanya sekadar diatas kertas dan dijabat sahaja bahkan merakyat membawa kepada berakar umbinya dasar Islam dilubuk hati setiap rakyat.

Manakala, Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan 2015-2025 merupakan pelan induk sebagai kesinambungan untuk menjayakan apa yang digariskan dalam fasa Merakyat Membangun Bersama Islam.

Hadirin dan Hadirat yang saya Hormati Sekalian,

14. Dalam mengharungi 3 dekad ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai dasar, program, dan pendekatan yang boleh saya rumuskan berdasarkan kepada 4 aspek berikut;

**Pertama : Merakyatkan Budaya Ilmu & Memperkasa Pembangunan Insan;**

Pendidikan merupakan aset utama Kerajaan Negeri dalam melahirkan rakyat yang bertaqwa. Komitmen Kerajaan Negeri saban tahun dapat dilihat dengan memperuntukkan bajet yang paling besar dalam bidang pendidikan sehingga kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 121.5 juta tahun 2020. Ia merupakan satu peruntukkan besar.

Hasilnya sehingga kini, dibawah Yayasan Islam Kelantan, kita mempunyai 93 buah sekolah termasuk Maahad Tahfiz Sains yang merangkumi lebih 38 ribu pelajar setiap tahun.



Pelancaran Dasar Pendidikan Rabbani merupakan hasrat kerajaan bagi memperkasa pendidikan di negeri ini dan saya yakin dasar ini akan berjaya apabila dilaksanakan kepada 10 buah sekolah sebagai perintis pada tahun hadapan.

Bagi memperkasa pembangunan Insan, Kerajaan Negeri telah menjalankan satu kajian Indeks Sosio Taqwa rakyat Kelantan sebagai kayu ukur yang kemudian disusuli dengan penyediaan Strategi Perneriksaan Sosio- Taqwa 2019-2023.

lanya meliputi tujuh indikator utama iaitu amalan keagamaan, pentadbiran, budaya Islami, ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan dan taawun.

Oleh itu, saya berkeyakinan jabatan dan agensi berkaitan dapat memainkan peranan untuk menjayakannya.

**Kedua: Memantapkan Pentadbiran Berasaskan Integriti,  
Akauntabiliti Dan Kredibiliti;**

Sesungguhnya, Kerajaan berintegriti merupakan aset utama pentadbiran Kerajaan Membangun Bersama Islam.

Kita bersyukur rekod cemerlang pentadbiran terus dikekalkan sebagaimana Laporan Audit Negara pada tahun 2016, hingga 2019 dalam penarafan 5 bintang yang merekodkan Kelantan terus cemerlang dalam prestasi pengurusan kewangan negeri.

Pengiktirafan ini adalah hasil daripada dasar dan pendekatan Kerajaan Negeri yang melaksanakan ketelusan dalam pentadbiran dan ianya disambut baik oleh perkhidmatan awam negeri ini.

Bukan itu sahaja, Kelantan juga kekal rekod negeri bersih daripada salah laku amalan rasuah sepanjang 3 dekad pentadbiran ini.

Justeru, bagi memastikan mengekalkan dan meningkat pencapaian tersebut Kerajaan Negeri pada tahun ini telah melancarkan Pelan Anti Rasuah Kelantan (Kelantan Anti-Corruption Plan (KACP)) 2020-2024 yang merangkumi 23 objektif strategik, 75 inisiatif untuk dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun.

### **Ketiga: Merakyat Pembangunan Ekonomi Yang Mampan;**

Kerajaan Negeri juga telah memfokuskan 10 fokus utama dalam memastikan pelaksanaan pembangunan RMK-12 ini mencapai hasrat sebagaimana sasaran Wawasan Kemakmuran Bersama yang telah digariskan oleh Kerajaan Persekutuan.

Antara fokus utama negeri dalam pembangunan RMK-12 ini adalah membina dan menaiktaraf rangkaian lebuh raya, menaiktaraf dan membuka lebih banyak pusat-pusat pertumbuhan baharu bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan,

Selain itu, Kerajaan Negeri komited untuk menjadikan Kelantan Jelapang Makanan Negara sebagai transformasi sektor pertanian.

Bagi memastikan Kelantan sebagai destinasi pelabur, pelbagai insentif diperkenal dengan penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti sokongan yang sesuai untuk menarik pelaburan

Sehubungan itu, saya yakin dibawah Kerajaan Perikatan Nasional Kelantan akan mendapat pelbagai manfaat pembangunan ekonomi khususnya dalam rancangan Malaysia Ke-12.

### **Keempat: Pemerkasaan Program Kebajikan Dan Kesejahteraan Rakyat**

Sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab sudah tentukan meletakkan aspek kesejahteraan dan kebajikan rakyat sebagai perhatian utama.

Sehubungan itu, Pelbagai skim bantuan untuk meringankan beban rakyat diperkenalkan samda kepada ibu tunggal, anak muda, orang kelainan upaya dan warga emas. Antara skim tersebut adalah Skim Takaful Kifalah, Skim Al-Itam dan Skim Gerbang Az-Ziwaj. Program rumah dhuafat pula adalah memastikan rakyat yang layak mendapat kediaman yang selesa.

Untuk rekod, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat yang merupakan satu dokumen yang menggambarkan aspirasi kerajaan dalam menentukan hala tuju pembangunan negeri secara bersama antara pemimpin dan rakyat bagi membangunkan Kelantan sejahtera dan diredhai Allah.

Sehubungan itu, saya berharap semua pihak menjadi mata dan telinga Kerajaan untuk menyebarkan luaskan segala pencapaian yang telah dicetus sepanjang 3 dekad pentadbiran Membangun Bersama Islam dalam setiap aspek.

Para Penjawat Awam yang saya hormati sekalian,

15. Sejujurnya, saya pernah beberapa kali ditanya oleh pelbagai pihak, apakah kunci dan kekuatan negeri ini sehingga terus bergaya menerajui dengan mandat yang stabil dan kukuh ini.

Apakah strategi dan pendekatan yang diambil dan diusahakan, sudah tentu jawapan saya adalah kesepaduan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi semua pihak terutama penjawat awam yang ada hadapan saya pada hari ini.

16. Seringkali dalam setiap amanat ataupun ucapan saya, saya menekankan betapa penting semua pihak saling beringking bahu, saling lengkap dan melengkapi untuk memastikan dasar Kerajaan dapat dilaksanakan demi kemaslahatan rakyat.

17. Oleh itu, betapa dalam membangunkan negeri ini tanpa sokongan padu barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, disambut oleh barisan penjawat saya sudah tentu tidak mampu untuk saya mambawa wawasan ini secara bersendirian.

Inilah asas kekuatan kita di Kelantan. Kita mempunyai satu barisan penjawat awam yang sangat bijak dalam memahami dasar dan kehendak kerajaan agar setiap agenda program dapat dituai hasilnya.

18. Semua pihak perlu terlibat, semua pihak perlu mengambil peranan dan tanggungjawab, secara bermuafakat bagai aur dengan tebing, bak irama dan lagu.

Kerana, dalam membangunkan negeri ini, ia bukan sahaja tugas Kerajaan Negeri semata-mata atau tugas sektor swasta mahupun tugas mana-mana individu tertentu.

Ini tugas kita semua. Tugas setiap seorang yang hadir pada hari ini. Tidak ada yang boleh tertinggal dan tidak ada yang terkecuali.

19. Maka kebersamaan ini wajib kita pegang dengan erat, agar kita dapat sama harungi suatau perjalanan secara bersama memandu negeri yang kita cintai ini menuju keberkatan, kemakmuran dan kebajikan.

Hadirin dan Hadirat yang saya Hormati Sekalian,

Akhirnya, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh penjawat awam Negeri Kelantan atas kejayaan cemerlang dalam pentadbiran dan pengurusan.

Bermula daripada staf sokongan, kumpulan profesional dan pengurusan sehingga ke peringkat pengurusan tertinggi, semua pihak telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan pentadbiran Kerajaan Negeri berjalan dengan baik.

Terima kasih kepada semua yang telah menjayakan dasar Membangun Bersama Islam dan merakyatkannya. Teruskanlah usaha ini sehingga Allah mengurniakan keberkatan, kerahmatan dan kemenangan yang besar suatu hari nanti.

Dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirahim, saya dengan penuh sukacitanya Merasmikan Pelancaran Sambutan 3 Dekad Pentadbiran Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan.

*Siiru Ala Barakatillah*

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ